



10 MAR, 2026

Peniaga beri rasuah didakwa

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Peniaga beri rasuah didakwa

BUTTERWORTH: Seorang peniaga yang menjalankan perniagaan pertanian mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen pada Isnin atas dua pertuduhan memberi rasuah berjumlah RM53,000 kepada seorang individu berkaitan kesalahan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

Tiang Soon Ying, 40, didakwa memberikan suapan wang tunai RM10,000 kepada Mohd Ashraf Mohd Yunus, 42, sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas premis-premis di sekitar Manjung dan Sitiawan, Perak yang disyaki digunakan untuk melakukan kesalahan di bawah Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).

Kesalahan itu adalah mengganggu, mengambil dan mengguna elektrik termasuk merosakkan pemasangan milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di 20 premisnya manakala bagi pertuduhan kedua dia didakwa melakukan kesalahan sama dengan memberikan wang tunai berjumlah RM43,000. – Bernama